

Bil. S 12

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Bab 83 (3))

PERINTAH DARURAT (NATIONAL BANK OF BRUNEI BERHAD ;
NATIONAL FINANCE SENDIRIAN BERHAD), 1986

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

Gelaran,
pengenaan
dan
permulaan
kuatkuasa.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (National Bank of Brunei Berhad ; National Finance Sendirian Berhad), 1986.

(2) Perintah ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah, tertakluk kepada sebarang batasan yang nyata dikenakan ke atasnya oleh syarat-syarat dari Perintah ini, dikenakan ke atas semua orang, walaupun mereka mungkin bukan warganegara-warganegara atau penduduk-penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

(3) Perintah ini hendaklah berjalan kuatkuasanya pada 19 haribulan November, 1986 (selepas ini disebut sebagai "tarikh mula berkuatkuasa") kecuali bab 4 yang mana hendaklah dianggap telah berjalan kuatkuasanya pada 25hb Julai, 1986.

Tafsiran.

2. Di dalam Perintah ini, kecuali jika perkaryanya atau maksudnya berkehendakkan makna yang lain :

"Bank" bermakna National Bank of Brunei Berhad, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam.

"mula berkuatkuasa" bermakna tarikh mula berkuatkuasanya Perintah ini yang dinyatakan di dalam bab 1(3).

"orang yang ada kaitan" bermakna sesiapa jua yang Pengawal akan tentukan atau anggap sebagai seorang orang yang ada kaitan bagi maksud-maksud Perintah ini dan boleh termasuk :—

- (a) sesiapa jua yang pada bila-bila masa sebelum mula berkuatkuasa mengawal atau adalah bersangkut-paut dengan pengawalan atau pengurusan perniagaan dan/atau urusan-urusan Bank atau Syarikat Kewangan itu sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, pada keseluruhannya atau sebahagianya, dengan kuatkuasa undang-undang, dengan hak mengikut perjanjian (contractual right), berdasarkan hubungan keluarga, dengan cara penyusunan (amanah atau lain) atau dengan cara lain dan dengan tidak mengindahkan cara dalam mana kawalan atau penglibatan tersebut timbul atau dijalankan ;

- (b) sesiapa jua yang telah pada bila-bila masa mempunyai suatu kepentingan di dalam modal saham Bank atau Syarikat Kewangan itu ;
- (c) sesiapa jua yang pada bila-bila masa sebelum mula berkuatkuasa merupakan seorang pengarah, jurubank (banker), juruaudit, penasihat undang-undang atau penasihat lain atau kakitangan Bank atau Syarikat Kewangan itu ;
- (d) sesiapa jua yang pada bila-bila masa telah ada atau terus ada pada miliknya atau di bawah kawalannya sebarang aset kepunyaan atau yang dibiayai oleh Bank atau Syarikat Kewangan itu ;
- (e) sesiapa jua apabila mula berjalan kuatkuasa terhutang dengan Bank atau Syarikat Kewangan itu ;
- (f) sesiapa jua yang telah meminjamkan wang kepada atau menyimpan wang dengan Bank atau Syarikat Kewangan itu, sama ada wang tersebut masih ada atau tidak apabila mula berkuatkuasa ;
- (g) sesiapa jua yang Pengawal percaya mempunyai sebarang pengetahuan atau maklumat berhubung dengan urusdaya-urusdaya perniagaan, urusan-urusan atau aset-aset Bank atau Syarikat Kewangan itu ;
- (h) mana-mana saudara-mara bagi sesiapa jua yang disebutkan di dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f) atau (g) ;
- (i) mana-mana syarikat (i) yang mana sesiapa jua yang disebutkan di dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g) atau (h) adalah seorang pengarah atau pegawai, (ii) ke atas mana sesiapa jua sedemikian ada mempunyai kuasa (yang diertikan menurut perenggan (a)), atau (iii) dalam sebarang saham di dalam modal saham yang mana sesiapa jua yang sedemikian ada berkepentingan, dalam setiap perkara apabila mula berkuatkuasa ; dan
- (j) sesiapa jua dengan apa jua cara lain berkaitan atau berkongsi dengan atau ada hubungan kekeluargaan dengan sesiapa jua yang disebutkan di dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) atau (i).

"Pengawal" bermakna orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengawal Bank dan Syarikat Kewangan itu bagi maksud-maksud Perintah ini.

"dokumen" termasuk apa jua kertas, kad, alat penyimpanan (magnet atau lain) atau bahan atau benda lain di atas atau di dalam mana dituliskan, dicetak, ditaip, dicetak dengan menggunakan proses lito, ditandai, diambil, digambarkan, dihasilkan semula atau dengan cara lain dicatat atau dinyatakan apa jua huruf, angka, tanda atau apa jua gambaran yang boleh dilihat, bergambar atau yang boleh didengar.

“orang yang dikecualikan” bermakna sesiapa jua orang yang Pengawal mungkin dari semasa ke semasa tetapkan sebagai seorang orang yang dikecualikan bagi maksud-maksud Perintah ini.

“Syarikat Kewangan” bermakna National Finance Sendirian Berhad, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam.

“bekas pengarah” bermakna mana-mana pengarah Bank atau Syarikat Kewangan tersebut yang terhenti daripada menjadi pengarah menurut bab 5(2).

“bekas pegawai” bermakna (a) mana-mana orang yang dipecat dari jawatan menurut bab 5(2) dan (b) mana-mana orang yang sudah biasa berbuat atau melakukan perbuatan menurut arahan-arahan dari mana-mana orang yang dipecat dari jawatan oleh bab 5(2) dan (c) sesiapa jua menurut arahan-arahan siapa mana-mana orang yang dipecat dari jawatan oleh bab 5(2) sudah biasa berbuat atau melakukan perbuatan dan (d) sesiapa jua orang lain yang sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasa adalah seorang pegawai Bank atau Syarikat Kewangan itu.

“Menteri” bermakna Menteri Kewangan.

“pasport” bermakna apa jua dokumen yang dikeluarkan oleh sebuah pihak berkuasa yang layak sama ada di dalam Negara Brunei Darussalam atau dengan cara lain memberikan kebenaran kepada orang yang ditentukan di dalamnya untuk membuat perjalanan dan mengesahkan haknya kepada perlindungan dan adalah termasuk apa jua dokumen yang menentukan pengenalan pemegang itu.

“orang” termasuk seseorang orang perseorangan, badan, syarikat, perbadanan, pedagang tunggal, firma, usahaniaga bersama, persatuan, amanah, sindiket, kumpulan, pertubuhan, entiti atau sesuatu perkongsian kesemua atau mana-mana dari yang terdahulu, dalam setiap perkara sama ada mempunyai kewujudan yang berasingan di sisi undang-undang ataupun tidak.

“pegawai kerajaan” mempunyai makna yang ditetapkan kepada-nya di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

“saudara-mara” dalam hubungannya dengan sesiapa jua termasuk :—

- (a) mana-mana suami/isteri atau mana-mana bekas suami/isteri bagi orang tersebut ;
- (b) mana-mana abang/adik lelaki atau kakak/adik perempuan bagi orang tersebut ;
- (c) mana-mana abang/adik lelaki atau kakak/adik perempuan bagi mana-mana suami/isteri atau bagi mana-mana bekas suami/isteri bagi orang tersebut ;

- (d) mana-mana keturunan langsung nenek moyang atau zuriat orang tersebut ;
 - (e) mana-mana keturunan langsung nenek moyang atau zuriat bagi mana-mana suami/isteri atau bagi mana-mana bekas suami/isteri orang tersebut ;
 - (f) mana-mana suami/isteri atau mana-mana bekas suami/isteri bagi sesiapa jua yang disebutkan di dalam perenggan (b), (c), (d) atau (e) ;
 - (g) mana-mana keturunan langsung nenek moyang atau zuriat bagi sesiapa jua yang disebutkan di dalam perenggan (b), (c) atau (f).
3. Kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas Pengawal di bawah Perintah ini bolehlah dijalankan oleh Pengawal dan/atau oleh mana-mana kakitangan atau pegawai atau ejen atau penasihat (termasuk penasihat profesional) Kementerian Kewangan atau mana-mana pegawai kerajaan yang lain kepada siapa, dalam setiap perkara, Pengawal adalah telah mewakilkan kuasa-kuasa, tugas-tugas atau kewajipan-kewajipan tersebut. Oleh sebab itu, perkataan "Pengawal" apabila digunakan di dalam Perintah ini adalah juga termasuk mana-mana wakil tersebut.

Perjalanan
kuasa-kuasa,
kewajipan-
kewajipan dan
tugas-tugas
Pengawal.

4. (1) Pengawal boleh menyiasat atau menyiasat mengenai perniagaan dan urusan-urusan Bank, Syarikat Kewangan atau mana-mana orang yang ada kaitan.

Kuasa-kuasa
penyiasatan.

- (2) Bagi maksud sebarang penyiasatan atau siasatan di bawah Bab 4(1), Pengawal boleh :

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana pejabat, tempat perniagaan atau tempat tinggal, dan memeriksa apa jua buku atau apa sahaja dokumen lain, kepunyaan Bank, Syarikat Kewangan atau mana-mana orang yang ada kaitan itu ;
- (b) menghendaki Bank, Syarikat Kewangan atau seseorang orang yang ada kaitan itu untuk mengemukakan kepadanya mana-mana akaun, buku atau apa sahaja dokumen lain di dalam jagaan atau kawalan Bank, Syarikat Kewangan atau orang yang ada kaitan itu ;
- (c) dengan notis secara bertulis menghendaki sesiapa jua sama ada seorang orang yang ada kaitan ataupun tidak supaya hadir di hadapannya untuk menjawab apa jua pertanyaan yang mungkin diajukan mengenai orang tersebut berhubung dengan perniagaan atau urusan-urusan Bank atau Syarikat Kewangan itu dan boleh menghendaki supaya jawapan-jawapan tersebut diberikan dengan mengangkat sumpah atau pengakuan ; dan

- (d) merampas, mengambil milik dan menyimpan selama sesuatu masa yang Pengawal mungkin menganggap perlu apa jua benda (object), barang (article), bahan atau benda (material or thing), atau mana-mana akaun, buku atau apa sahaja dokumen lain berhubung dengan Bank, Syarikat Kewangan atau mana-mana orang yang ada kaitan itu ; dan
- (e) jika seseorang orang yang ada kaitan itu ialah seorang orang perseorangan, maka periksalah ia, dengan syarat senantiasa bahawa bila sahaja ianya perlu untuk menyebabkan seseorang perempuan diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dibuat oleh seorang perempuan lain ; dan
- (f) merampas, mengambil milik dan menyimpan selama sesuatu masa yang Pengawal mungkin menganggap perlu pasport mana-mana orang yang ada kaitan itu.

(3) Dalam menjalankan sebarang pemeriksaan di bawah bab 4(2)(c), orang yang menjalankan pemeriksaan tersebut boleh menyebabkan perjalanan pemeriksaan tersebut direkod secara ber-tulis.

(4) Sebarang rekod mengenai sesuatu pemeriksaan yang dibuat menurut bab 4(3) hendaklah dengan jelasnya dibaca dan ditandatangani oleh orang yang diperiksa itu, dengan syarat bahawa jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani rekod tersebut, maka orang yang menjalankan pemeriksaan itu hendaklah membuat catatan atas rekod itu di bawah tandatangannya hal mengenai keeng-ganan tersebut dan sebabnya, jika ada, yang diberikan oleh orang yang diperiksa itu.

(5) Sebarang penemuan, lapuran penyiasatan, rekod pemeriksaan atau dokumen lain berhubung dengan sesuatu penyiasatan atau siasatan di bawah Perintah ini bolehlah, dengan tidak menghiraukan mana-mana undang-undang bertulis lain atau hukum undang-undang (rule of law) berhubung dengan keterangan, diterima di dalam sebarang perbicaraan di bawah Perintah ini ataupun tidak.

(6) Pengawal boleh :

- (a) memberikan kebenaran kepada sesiapa jua supaya dapat menggunakan apa-apa yang dirampas atau yang mana pemilikannya diambil semasa perjalanan sesuatu penyiasatan atau siasatan di bawah Perintah ini ; atau
- (b) memperlihatkan atau menyediakan kepada mana-mana pegawai polis atau pegawai kerajaan apa jua penemuan, penyiasatan, lapuran, rekod pemeriksaan atau dokumen lain berhubung dengan sesuatu penyiasatan atau siasatan di bawah Perintah ini.

(7) Jika Bank, Syarikat Kewangan atau sesiapa jua gagal mematuhi mana-mana kehendak atau enggan menjawab mana-mana pertanyaan yang mana dalam apa jua hal dibuat atau diajukan oleh Pengawal pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah syarat-syarat bab 4 ini, maka orang tersebut adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 2 tahun dan suatu denda sebanyak \$10,000.

(8) Sama ada sebarang penyiasatan atau siasatan di bawah bab 4(1) telah pun dimulakan atau tidak, sesiapa jua yang akan :—

- (a) merahsiakan, menyembunyikan, memusnahkan atau mengubah mana-mana benda (object), barang (article), bahan atau benda (material or thing), atau mana-mana akaun, buku atau dokumen lain, atau sebarang catatan di dalamnya, kepunyaan atau berhubung dengan Bank, Syarikat Kewangan atau mana-mana orang yang ada kaitan itu atau perniagaan atau urusan-urusan Bank, Syarikat Kewangan atau mana-mana orang yang ada kaitan itu ;
- (b) menghantar apa jua barang yang disebutkan di dalam perenggan (a) keluar dari Negara Brunei Darussalam ; atau
- (c) menjual, melepaskan, menggadai, mencagar, memindah milik atau dengan jalan lain menyelesaikan atau menghilangkan atau memindah dari atau menghantar keluar dari Negara Brunei Darussalam, mana-mana wang, harta-benda atau aset kepunyaan atau yang dicagar untuk keuntungan Bank, Syarikat Kewangan atau mana-mana orang yang ada kaitan itu ;

orang sedemikian adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 2 tahun dan suatu denda sebanyak \$10,000.

(9) Sesiapa jua yang dengan sengaja membuat sebarang pernyataan palsu dalam menjawab sesuatu pertanyaan yang diajukan mengenainya di bawah bab 4(2)(c) adalah bersalah : Hukuman, penjara untuk suatu tempoh selama 2 tahun dan suatu denda sebanyak \$10,000.

(10) Sesiapa jua yang dengan sengaja menghalang Pengawal dalam menjalankan kuasa-kuasa di bawah bab ini adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 2 tahun dan suatu denda sebanyak \$10,000.

5. (1) Pengurusan dan pengawalan setiap Bank dan Syarikat Kewangan itu adalah dengan ini terletakhak pada Pengawal mulai daripada mula berkuatkuasa. Pengurusan dan pengawalan tersebut hendaklah terletakhak sedemikian pada segala-galanya tanpa sekatan bersama dengan segala hak, keistimewaan dan faedah yang berserta pengurusan dan pengawalan itu. Pengawal adalah mulai dari ketika itu berhak untuk menjalankan pengurusan dan pengawalan setiap

Pengurusan
Bank dan
Syarikat
Kewangan.

Bank dan Syarikat Kewangan tersebut yang tidak dicampuri oleh semua orang lain dan seolah-olah semua hukum undang-undang (rules of law) telah dipatuhi dan segala yang perlu telah pun dilaksanakan supaya membuat perlakuan hak tersebut berkuatkuasa dengan sepenuhnya.

(2) Apabila mula berkuatkuasa, semua mereka yang, sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasa adalah pengarah-pengarah bagi Bank atau Syarikat Kewangan itu hendaklah terhenti dari menjadi pengarah-pengarah bagi Bank atau Syarikat Kewangan tersebut tanpa sebarang hak kepada gantirugi dari sesiapa jua, dan semua orang yang sedemikian yang juga memegang jawatan-jawatan eksekutif di Bank atau Syarikat Kewangan tersebut hendaklah pada ketika yang sama terhenti dari memegang jawatan-jawatan tersebut tanpa hak kepada gantirugi dari sesiapa jua pun.

(3) Pengawal adalah dengan ini dilantik sebagai pengurus dan seorang pengarah bagi tiap-tiap Bank dan Syarikat Kewangan itu dan akan memegang setiap jawatan itu sehingga suatu lantikan dibuat kepadanya di bawah ceraian (5).

(4) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melantik orang-orang lain sebagai pengarah-pengarah bagi tiap-tiap Bank dan Syarikat Kewangan itu dan boleh membatalkan lantikan-lantikan tersebut.

(5) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melantik pengarah lain dari Bank atau Syarikat Kewangan itu sebagai pengurus Bank dan Syarikat Kewangan itu sebagai ganti Pengawal dan boleh membatalkan lantikan tersebut.

(6) Sesiapa jua yang dilantik dengan sempurnanya sebagai seorang pengarah di bawah bab 5(3) atau 5(4) hendaklah dianggap bagi segala tujuan seolah-olah ia telah dilantik di suatu mesyuarat agung Bank itu atau, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan itu sebagai seorang pengarahnya.

(7) Menteri boleh memberi kepada pengarah-pengarah bagi tiap-tiap Bank dan Syarikat Kewangan itu arahan-arahan yang ia mungkin memikirkan perlu atau mustahak demi kepentingan orang ramai mengenai perjalanan dan perlaksanaan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka.

(8) Apabila mula berkuatkuasa, firma yang, sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasa bertindak sebagai juruaudit bagi tiap-tiap Bank dan Syarikat Kewangan itu hendaklah terhenti daripada menjadi juruaudit Bank dan Syarikat Kewangan tersebut tanpa sebarang hak kepada gantirugi dan Pengawal hendaklah melantik sebuah firma sebagai mengantikannya.

6. (1) Setiap orang bekas pegawai dan bekas juruaudit hendaklah terus bertanggungjawab bagi segala perbuatan dan ketinggalannya atau mereka berhubung dengan tempoh sebelum mula berkuatkuasa.

(2) Jika ternampak kepada Pengawal bahawa pada bila-bila masa sebelum mula berkuatkuasa mana-mana perniagaan Bank ataupun Syarikat Kewangan itu telah dikendalikan dengan niat untuk menipu sesiapa jua atau bagi sebarang tujuan menipu, maka Mahkamah Tinggi, atas permohonan Pengawal, boleh, jika ia memikirkan wajar untuk berbuat sedemikian, mengisyiharkan bahawa sesiapa jua dengan setahunya adalah pihak kepada pengendalian perniagaan secara yang disebutkan tadi adalah dirinya sendiri bertanggungjawab, tanpa sebarang had tanggungan (a) bagi kesemua atau mana-mana hutang atau tanggungan lain Bank atau Syarikat Kewangan itu sebagaimana yang Mahkamah Tinggi mungkin mengarahkan, dan (b) membayar balik dan menggantirugi tiap-tiap Bank dan Syarikat Kewangan itu bagi dan terhadap segala kerugian yang dialami olehnya sebagai akibat darinya.

(3) Sesiapa jua yang setahunya adalah pihak kepada pengendalian perniagaan secara yang dinyatakan di dalam bab 6(2) adalah ber salah : Hukuman, penjara selama 10 tahun dan suatu denda.

7. (1) Tertakluk kepada bab 7(2), Bank ataupun Syarikat Kewangan itu tidaklah boleh mulai dari mula berkuatkuasa membuat sebarang pembayaran kepada sesiapa jua berhubung dengan mana-mana pinjaman yang dibuat oleh orang tersebut atau sebarang baki untuk disimpan ke dalam mana-mana akaun yang dipegang oleh orang tersebut dengan Bank itu atau, mengikut mana yang berkenaan, dengan Syarikat Kewangan itu.

Pembekuan
akaun-akaun
dsb.

(2) Bab 7(1) tidaklah boleh dikenakan terhadap :

- (a) kesemua atau mana-mana jumlah wang yang dimasukkan ke dalam sesuatu akaun kepunyaan mana-mana orang semasa tempoh mulai dari hari kesembilan puluh sebelum mula berkuatkuasa hingga hari yang kesepuluh selepas mula berkuatkuasa oleh majikan orang tersebut berhubung dengan upah atau gaji orang tersebut atau jumlah-jumlah lain yang terhutang kepada orang tersebut yang terbit dari pekerjaannya ;
- (b) kesemua atau mana-mana jumlah wang yang dimasukkan ke dalam sesuatu akaun semasa kepunyaan mana-mana orang dalam perjalanan biasa perniagaan, dengan syarat bahawa akaun itu digunakan oleh orang tersebut dalam menjalankan sesuatu perniagaan yang sah di sisi undang-undang yang dikendalikan di Negara Brunei Darussalam ; dan
- (c) kesemua atau mana-mana jumlah wang yang terhutang oleh Bank atau Syarikat Kewangan itu kepada atau dimasukkan ke dalam mana-mana akaun lain atau akaun-akaun di Bank atau Syarikat Kewangan itu kepunyaan mana-mana orang (natural person) yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam hingga dalam setiap hal jumlah

besar sebanyak B\$1,000 dengan syarat bahawa pengecualian ini tidak boleh dipakai terhadap sebarang jumlah wang yang terhutang kepada atau dimasukkan ke dalam mana-mana akaun kepunyaan seseorang orang yang dikecualikan.

(3) Dengan tidak menghadkan keluasan makna bab 7(1) dan sebagai tambahan kepadaanya akan tetapi tertakluk kepada bab 7(2), mulai dari mula berkuatkuasa :

- (a) kecuali dengan kebenaran dari Pengawal, tiada sebarang perintah yang diberi atau permintaan yang dibuat oleh atau bagi pihak sesiapa jua (selain daripada Pengawal) pun boleh dilaksanakan setakat perintah atau permintaan tersebut
 - (i) menghendaki sama ada Bank atau Syarikat Kewangan itu membuat sebarang pembayaran atau melepaskan mana-mana aset ; atau
 - (ii) menghendaki Bank atau Syarikat Kewangan itu membuat sebarang perubahan terhadap orang yang kepada akaun siapa mana-mana jumlah wang adalah hendak dipegang olehnya atau menurut perintah siapa mana-mana aset adalah hendak dipegang olehnya ; dan
- (b) tiada seseorang pun boleh menuntut pembayaran bagi, menjual, menuntut atau mengambil cagaran bagi pelaksanaan, melepaskan, memindah milik, mencuba mendapatkan atau dengan cara lain berurus dengan mana-mana tanggungan yang Bank atau Syarikat Kewangan itu mungkin terhutang kepada orang tersebut kecuali dalam perkara setakat yang Pengawal boleh benarkan.

Penggunaan berterusan harta-benda.

8. Jika sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasa, mana-mana harta-benda, kemudahan atau perkhidmatan yang bukan harta-benda atau yang diberikan oleh Bank atau Syarikat Kewangan itu sedang dipakai, dinikmati atau dipergunakan oleh Bank atau Syarikat Kewangan itu dalam pengendalian perniagaannya, maka Bank atau Syarikat Kewangan tersebut hendaklah, dengan tidak menghiraukan apa jua perjanjian yang bertentangan atau penguatkuasaan mana-mana undang-undang bertulis lain, terus berhak untuk memakai, menikmati atau mempergunakan harta-benda, kemudahan atau perkhidmatan tersebut dengan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan yang sama, tertakluk kepada bab 9(3), sebagaimana yang boleh dipakai sebelum mula berkuatkuasa.

Perlindungan aset-aset dan pengelakkan dari urusniaga-urusniaga.

9. (1) Jika Bank atau Syarikat Kewangan itu telah sebelum mula berkuatkuasa melepaskan atau mencagar apa jua dari aset-asetnya atau memberikan sebarang pinjaman atau bantuan kewangan lain dalam setiap perkara kepada mana-mana orang, dan, pada pendapat Pengawal memandangkan segala keadaan yang mana ia sedari,

pelepasan atau cagaran atau perubahan tersebut tidak dibuat atau pinjaman atau bantuan kewangan tersebut tidak diberikan dengan suci hati dalam perjalanan biasa perniagaan sesebuah institusi kewangan, dan suatu kerugian kepada Bank atau Syarikat Kewangan tersebut telah terbit atau terbit atau mungkin terbit akibat dari pelepasan, cagaran, pinjaman atau bantuan kewangan tersebut, maka jumlah kerugian tersebut boleh didapatkan kembali bayarannya sebagai suatu hutang awam (civil debt) daripada mana-mana bekas pegawai, mana-mana orang yang ada kaitan atau mana-mana pengurus atau pegawai Bank atau Syarikat Kewangan tersebut yang bertanggungjawab bagi pelepasan, cagaran, pinjaman atau bantuan kewangan itu atau daripada sesiapa jua orang lain yang mendapat faedah darinya.

(2) Sebarang langkah perbicaraan sivil bagi mendapatkan bayaran sesuatu hutang awam di bawah bab 6(2) boleh dibawa oleh Pengawal atas nama dan bagi pihak Bank atau Syarikat Kewangan tersebut.

(3) Jika Bank atau Syarikat Kewangan tersebut telah sebelum mula berkuatkuasa mengikat suatu urusniaga yang, pada pendapat Pengawal adalah merupakan sesuatu jenis yang, pada masa ianya diikat, mungkin telah dengan munasabahnya dijangkakan akan berkemungkinan :

- (a) menyebabkan suatu kerugian kepada Bank atau, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan itu ; atau
- (b) mengenakan suatu tanggungan ke atasnya yang lebih besar daripada sebarang faedah kepadanya,

dan yang mana, pada pendapat Pengawal,

- (i) adalah bukan sahaja merupakan suatu urusniaga yang luar daripada kebiasaan bagi Bank itu atau, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan itu untuk mengikatnya, dengan mengambil kira perjalanan biasa perniagaan sesebuah institusi kewangan, tetapi juga dengan tidak munasabahnya perlu bagi tujuan-tujuan perniagaannya dengan mengambil kira keadaan pada masa ianya diikat ; atau
- (ii) adalah merupakan suatu urusniaga yang diikat dengan cara lain daripada dalam perjalanan biasa perniagaan sesebuah institusi kewangan dan dengan syarat-syarat yang sedemikian atau dengan sesuatu pihak yang sedemikian yang menunjukkan suatu kekurangan hemat yang tidak berpatutan pada pihak Bank itu atau, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan itu, dengan mengambil kira keadaan pada masa ianya diikat, atau

(iii) adalah merupakan suatu urusniaga yang dengan munasabahnya berkemungkinan apabila diikat, menyebabkan kerugian kepada penyimpan-penyimpan di dalam atau pemberi pinjaman-pemberi pinjaman kepada Bank atau Syarikat Kewangan itu selain daripada orang yang dikecualikan atau orang-orang yang ada kaitan ;

dan apabila mula berkuatkuasa, urusniaga tersebut masih pada keseluruhannya atau sebahagiannya belum dilaksanakan atau belum habis tempohnya, maka Bank tersebut atau, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan tersebut hendaklah, jika diarahkan sedemikian oleh Pengawal, dengan notis secara bertulis yang diberikan kepada pihak-pihak yang lain kepada urusniaga itu, menolak urusniaga tersebut.

(4) Jika suatu notis penolakan diberikan di bawah bab 9(3) berhubung dengan mana-mana perjanjian, maka perjanjian tersebut hendaklah dianggap ditamatkan pada tarikh bila mana notis tersebut diberikan.

(5) Pelaksanaan tanggungan-tanggungan dan pembayaran jumlah-jumlah wang yang dikatakan oleh seseorang orang yang dikecualikan atau orang yang ada kaitan sebagai terhutang oleh Bank atau Syarikat Kewangan itu kepada orang yang dikecualikan atau orang yang ada kaitan tersebut hendaklah tertakluk kepada dan dikemudiankan dengan mengutamakan pembayaran terlebih dahulu oleh setiap Bank atau Syarikat Kewangan itu segala hutangnya yang lain mulai dari mula berkuatkuasa.

(6) Pengawal boleh mengarahkan seseiapa jua yang ia mempercayai memiliki atau mengawal mana-mana aset yang dipunyai oleh atau dicagarkan untuk sama ada Bank itu ataupun, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan itu untuk menyerahkan atau menyerahkan semula aset tersebut kepada Bank itu atau, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan itu.

Modal saham,
dsb.

10. (1) Apabila mula berkuatkuasa, segala hak yang berkaitan dengan kesemua syer atau saham di dalam modal saham yang diterbitkan bagi setiap Bank itu dan syarikat-syarikat milikannya dan Syarikat Kewangan itu hendaklah digantung sehingga sesuatu masa yang Pengawal mengarahkan penamatkan penggantungan tersebut.

(2) Jika, selepas mula berkuatkuasa, seseorang selain daripada Pengawal akan, selain daripada menurut Perintah ini, mempunyai :—

(a) suatu hak untuk menghendaki penerbitan, atau memohon beli atau membeli, atau dengan cara lain memperolehi, mana-mana syer atau saham di dalam modal Bank atau Syarikat Kewangan itu ; atau

- (b) suatu hak melantik sesiapa jua, atau dilantik, sebagai seorang pengarah atau pegawai lain bagi Bank atau Syarikat Kewangan itu ; atau
- (c) suatu hak, sama ada yang nyata atau yang disifatkan ada, untuk menjalankan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, apa jua kuasa pengawalan atau pengawasan Bank atau Syarikat Kewangan itu, pengurusan, harta-benda, aset-aset atau perusahaannya,

hak tersebut akan terhenti kecuali setakat yang diarahkan oleh Pengawal, dengan syarat bahawa penghentian sesuatu hak bagi jenis yang disebutkan di dalam perenggan (a) adalah sekali-kali tidak menjaskankan sesuatu tanggungan untuk memohon beli atau membeli syer-syer atau saham yang disebutkan di dalamnya.

11. (1) Mulai dari mula berkuatkuasa, tiada sebarang tindakan atau perbicaraan pun boleh diteruskan atau dimulakan terhadap Bank atau Syarikat Kewangan itu melainkan dengan kebenaran dari Pengawal dan tertakluk kepada syarat-syarat yang Pengawal mungkin kenakan.

Tindakan-tindakan pembubaran, dsb.

(2) Jika, pada masa mula berkuatkuasa, sebarang tindakan atau perbicaraan terhadap Bank atau Syarikat Kewangan itu belum selesai di mana-mana Mahkamah, tindakan atau perbicaraan tersebut hendaklah dengan sendirinya digantungkan sehingga sesuatu tempoh yang Pengawal boleh mengarahkan di sebaliknya.

(3) Sebarang tahanan, pengasingan, tahan-harta, pelaksanaan atau tindakan menguatkuasakan lain terhadap mana-mana aset, harta-benda atau perusahaan kepunyaan Bank ataupun Syarikat Kewangan tersebut sama ada berkuatkuasa pada masa mula berkuatkuasa atau berkuatkuasa selepas itu hendaklah dengan sendirinya digantung sehingga sesuatu tempoh yang Pengawal boleh mengarahkan di sebaliknya.

(4) Selagi Perintah ini adalah terus berkuatkuasa, Bank ataupun Syarikat Kewangan itu tidaklah boleh dibubarkan atau diserahkan untuk dipertanggungjawabkan kepada pemegang amanah raya (receivership) kecuali dengan langkah-langkah perbicaraan yang dibawa oleh Pengawal.

12. (1) Menteri boleh, bagi pihak Kerajaan, dengan cara dan dengan syarat-syarat yang ia memikirkan bersesuaian, menjamin mana-mana pembayaran berhubung dengan mana-mana tanggungan Bank ataupun Syarikat Kewangan tersebut.

Jaminan Kerajaan.

(2) Sebarang jumlah wang yang dikehendaki untuk memenuhi mana-mana jaminan yang diberikan di bawah bab ini hendaklah dipertanggungkan atas dan didapatkan dari Kumpulanwang Yang Disatukan.

(3) Bank tersebut atau, mengikut mana yang berkenaan, Syarikat Kewangan tersebut hendaklah membayar balik kepada Kerajaan apabila diminta bagi apa jua bayaran yang dibuat oleh Kerajaan di bawah mana-mana jaminan yang diberikan di bawah bab ini dan mulai dari mula berkuatkuasa segala aset, harta-benda (sama ada dimiliki pada masa itu atau diperolehi selepas itu) dan perusahaan kepunyaan setiap Bank dan Syarikat Kewangan itu hendaklah dianggap dicagarkan kepada Kerajaan melalui gadai janji bersandaran tetap pertama (first fixed legal mortgage) dengan pelaksanaan tanggungan-tanggungannya di bawah bab ini.

Bidangkuasa
Mahkamah
Majistret.

13. Dengan tidak menyentuh bidangkuasa Mahkamah Tinggi, sesebuah Mahkamah Majistret adalah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, selain daripada sesuatu kesalahan di bawah bab 6(2) dan (3), dan dengan tidak menghiraukan syarat-syarat dari mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, Mahkamah tersebut adalah mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman atau gabungan hukuman-hukuman yang ditetapkan bagi mana-mana kesalahan di bawah Perintah ini.

Kebenaran
untuk
mendakwa.

14. Jika mana-mana orang didakwa di hadapan sesebuah Mahkamah dengan sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, perbicaraan-perbicaraan yang selanjutnya berhubung dengannya tidaklah boleh dibawa terhadapnya tanpa persetujuan secara bertulis dari Peguam Negara, kecuali yang sebagaimana Mahkamah tersebut mungkin memikirkan perlu dengan tahanan sama ada dalam jagaan atau dengan cara lain untuk memastikan kehadiran yang sepatutnya orang yang didakwa itu.

Perlindungan
Kerajaan dsb.

15. Kerajaan atau Menteri atau Pengawal atau mana-mana pegawai kerajaan tidak boleh tertakluk kepada sebarang tindakan, tuntutan atau permintaan oleh atau tanggungan terhadap sesiapa jua berhubung dengan apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dalam menjalankan atau pada melaksanakan atau dengan tujuan melaksanakan apa jua kuasa, kewajipan atau tugas yang diberikan oleh Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk
membuat
peraturan-
peraturan.

16. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang mempersyaratkan bagi pelaksanaan kuatkuasa maksud dan tujuan Perintah ini.

(2) Jika mana-mana orang melanggar Perintah ini atau mana-mana peraturan atau perintah yang dibuat atau diberikan di bawahnya, maka ia adalah bersalah, dan jika tidak ada hukuman ditetapkan bagi kesalahan sedemikian : Hukuman, penjara selama 2 tahun dan suatu denda sebanyak \$10,000.

Pengecualian.

17. Perintah ini dan setiap peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah berkuatkuasa dan boleh dikuatkuasakan dengan tidak menghiraukan apa-apa yang bertentangan atau berlawanan dengan Perintah dan tiap-tiap peraturan ini atau dengan apa-apa yang terkan-

dung di dalam mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana suratcara yang berkuatkuasa menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis lain atau tatawujud atau tataurusan syarikat bagi Bank ataupun bagi Syarikat Kewangan itu atau mana-mana perjanjian kepada mana Bank atau Syarikat Kewangan itu mungkin merupakan sebuah pihak. Dalam sebarang hal jika syarat-syarat Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bertentangan atau berlawanan dengan mana-mana yang terdahulu, maka syarat-syarat Perintah ini atau peraturan tersebut hendaklah terpakai tetapi dalam hal lain syarat-syarat darinya hendaklah terus dikenakan terhadap setiap Bank dan Syarikat Kewangan tersebut.

18. Pengawal boleh mengarahkan supaya mana-mana bekas pengarah atau pegawai tidak boleh menjadi seorang pengarah atau pegawai bagi atau dengan apa jua cara, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, melibatkan diri dalam atau mengambil bahagian dalam pengurusan mana-mana syarikat selama sesuatu tempoh, yang tidak melebihi lima tahun, sebagaimana yang Pengawal mungkin memikirkan berpatutan.

Larangan
terhadap
bekas
pengarah atau
pegawai.

Diperbuat pada 19 haribulan Februari, 1986 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.